



SIARAN UNDANG-UNDANG UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

25hb September 2012

S.UU(A)001/12

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

KOD UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

(TATAKELAKUAN KEGIATAN PARTI POLITIK DI DALAM KAMPUS)

2012

SUSUNAN KOD

1. Tajuk Ringkas, dan Permulaan Kuat Kuasa
2. Tatakelakuan Am Berkaitan Kegiatan Parti Politik di Dalam Kampus
3. Larangan Terlibat Dalam Kegiatan Parti Politik di Dalam Kampus
4. Tanggungjawab Persatuan, Pertubuhan, Badan atau Kumpulan Pelajar
5. Pelanggaran Kod

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971
PERLEMBAGAAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
KOD UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
(TATAKELAKUAN KEGIATAN PARTI POLITIK DI DALAM KAMPUS)
2012

Suatu Kod untuk mengawal selia kegiatan pelajar, dan kegiatan persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar berkaitan dengan parti politik di dalam kampus Universiti Putra Malaysia.

Pada menjalankan tanggungjawab yang diberikan oleh Seksyen 15(5) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Lembaga Pengarah Universiti mengawal selia aktiviti pelajar dan aktiviti persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar Universiti berkaitan dengan parti politik melalui Kod tatakelakuan berikut:

Tajuk Ringkas dan Permulaan Kuat Kuasa

1. (1) Kod tatakelakuan ini boleh dinamakan Kod Universiti Putra Malaysia (Tatakelakuan Kegiatan Parti Politik di dalam Kampus) 2012.
- (2) Kod ini mula berkuatkuasa mulai 1 September 2012 dan terpakai kepada semua pelajar Universiti Putra Malaysia.

Tatakelakuan Am berkaitan Kegiatan Parti Politik di dalam Kampus

2. Seseorang pelajar semasa berada dalam kampus Universiti Putra Malaysia, hendaklah menjaga tertib dan tatakelakuannya dan secara khususnya:

- (a) sentiasa mengutamakan dan mendalami ilmu pengetahuan dalam bidang pengajiannya, bebas daripada pengaruh parti politik;
- (b) menghormati hak dan kebebasan pelajar lain dalam menyatakan sokongan, bantahan atau selainnya kepada mana-mana parti politik dalam atau luar Malaysia, semasa di luar kampus;
- (c) sentiasa membawa diri dengan tertib, sopan dan sentiasa bersikap berkecuali serta tidak menunjukkan kecenderungan atau bantahan terhadap mana-mana parti politik.

Larangan Terlibat dalam Kegiatan Parti Politik di dalam Kampus

3. (1) Seseorang pelajar sama ada secara individu atau bersama orang lain, atau melalui persatuan, pertubuhan atau kumpulan orang dalam Universiti semasa berada di dalam kampus, tidak boleh terlibat dalam kegiatan parti politik di dalam kampus.

(2) Bagi maksud sub-perenggan (1), "terlibat dalam kegiatan parti politik" termasuklah:

- (a) memulakan atau menyertai pertelingkahan sesama pelajar berdasarkan sokongan, bantahan atau selainnya terhadap sesuatu parti politik semasa penjalanan aktiviti akademik atau aktiviti pelajar;
- (b) memiliki, mempamer atau menggunakan apa-apa simbol atau lambang mana-mana parti politik;
- (c) memiliki, mengedar atau menyebarkan, dengan apa-apa cara risalah, material atau apa-apa bahan atau barangan sesuatu parti politik kepada orang lain;

- (d) mengada, menganjur atau menyertai ceramah, seminar, simposium, kolokium, bengkel atau selainnya bagi pihak parti politik;
- (e) membuat apa-apa pernyataan sama ada bersifat fitnah atau tidak, sama ada secara lisan atau bertulis mengenai mana-mana parti politik;
- (f) menjadi agen kepada sesuatu parti politik bagi menambah keahlian ahli parti politik itu dalam kalangan pelajar.

Tanggungjawab Persatuan, Pertubuhan, Badan atau Kumpulan Pelajar

4. (1) Sesuatu persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar tidak boleh mempunyai hubungan dengan mana-mana:

- (a) parti politik;
- (b) pertubuhan atau organisasi yang tidak sah dalam atau luar Malaysia;
- (c) pertubuhan, organisasi atau kumpulan orang yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau Universiti.

(2) Bagi maksud sub-perenggan (1), "mempunyai hubungan" termasuklah perbuatan:

- (a) membuat pernyataan sama ada secara lisan atau bertulis bagi pihak sesuatu parti politik, atau bagi pihak sesuatu pertubuhan atau organisasi yang tidak sah dalam atau luar Malaysia, atau bagi sesuatu pihak pertubuhan, organisasi atau kumpulan orang yang ditetapkan oleh Lembaga sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau Universiti;

- (b)* membuat kutipan derma atau sumbangan dalam kalangan pelajar Universiti atau orang awam bagi pihak sesuatu parti politik, atau bagi pihak sesuatu pertubuhan atau organisasi yang tidak sah dalam atau luar Malaysia, atau bagi sesuatu pihak pertubuhan, organisasi atau kumpulan orang yang ditetapkan oleh Lembaga sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau Universiti;
- (c)* meminta bantuan, sokongan atau selainnya untuk aktiviti persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar di dalam atau di luar kampus daripada atau bagi pihak sesuatu parti politik, atau sesuatu pertubuhan atau organisasi yang tidak sah dalam atau luar Malaysia, atau sesuatu pertubuhan, organisasi atau kumpulan orang yang ditetapkan oleh Lembaga sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau Universiti;
- (d)* mengadakan atau menganjurkan apa-apa kegiatan lain bersama dengan atau bagi pihak sesuatu parti politik, atau sesuatu pertubuhan atau organisasi yang tidak sah dalam atau luar Malaysia, atau sesuatu pertubuhan atau organisasi atau kumpulan orang yang ditetapkan oleh Lembaga sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau Universiti.

Pelanggaran Kod

5. Pelanggaran mana-mana bahagian Kod ini adalah terjumlah kepada pelanggaran tata tertib di bawah Kaedah-Kaedah Tata tertib Universiti Putra Malaysia (Tata tertib Pelajar) 2005 dan tindakan tata tertib boleh dimulakan di bawah Kaedah-kaedah itu.

Dibuat 11 September 2012
[Minit Mesyuarat LPU 92/11]
[UPM/ PPUU/100/1/1/7]

PROF. EMERITUS TAN SRI DATO' DR. SYED JALALUDDIN SYED SALIM

*Pengerusi Lembaga Pengarah
Universiti Putra Malaysia*

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971
THE CONSTITUTION OF THE UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (CONDUCT ON ACTIVITIES
OF POLITICAL PARTIES ON CAMPUS) CODE 2012

ARRANGEMENT OF CODE

1. Short Title and Commencement
2. General Conduct In Relation to Activities of Political Parties on Campus
3. Prohibition On Involvement In Activities Of Political Parties On Campus
4. Responsibility Of The Association, Organization, Body or Group of Students
5. Non-Compliance of The Code

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971**THE CONSTITUTION OF THE UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (CONDUCT ON ACTIVITIES
OF POLITICAL PARTIES ON CAMPUS) CODE 2012**

A Code to regulate the activities of students, and the activities of societies, organizations, bodies or groups of students in relation to political parties on campus of Universiti Putra Malaysia.

In discharging the responsibilities given by Section 15(5) of the Universities and University Colleges Act 1971, the Board of Directors of Universiti Putra Malaysia regulates the activities of students and activities of the societies, organizations, bodies or groups of students through the following Code of conduct:

Short Title and Commencement

1. (1) This Code of conduct may be cited as Universiti Putra Malaysia (Conduct on Activities of Political Parties on Campus) Code 2012.

(2) This Code comes into operation on 1st September 2012 and applicable to all students of Universiti Putra Malaysia.

General Conduct in Relation to Activities of Political Parties on Campus

2. A student while being on the campus of Universiti Putra Malaysia, shall maintain a proper decorum and in particular:

- (a) always prioritize and seek knowledge in his field of study, independent from the influence of political parties;
- (b) respect for the rights and freedom of other students in expressing support, opposition or otherwise to any political party in or outside Malaysia, while outside the campus;

- (c) always carry himself in a proper and courteous manner, and always remain neutral and show no inclination or opposition to any political party.

Prohibition on Involvement in Activities of Political Parties on Campus

3. (1) A student, either individually or jointly with other persons, or through societies, organizations, bodies or groups of persons within the University while being on campus, shall not involve in activities of political parties;

(2) For the purpose of sub-paragraph (1), “involve in activities of political parties” includes:

- (a) initiating or participating in disputes among students based on support, opposition or otherwise against any political party during the course of the academic or student activities;
- (b) possessing, displaying or using any symbol or emblem of any political party;
- (c) possessing, distributing or circulating, by any means brochures, materials or any objects or goods of political parties to other persons;
- (d) conducting, organizing or participating in talks, seminars, symposiums, colloquiums, workshops or otherwise one behalf of political parties;
- (e) making any statement whether defamatory in nature or not, either orally or in writing pertaining to any political party;

- (f)* becoming an agent to any political party for the purpose of increasing the membership of the political parties among the students.

Responsibility of the Association, Organization, Body or Group of Students

4. (1) A society, organization, body or group of students shall not have association with any:

- (a)* political party;
- (b)* unlawful body or organization within or outside Malaysia;
- (c)* body, organization or group of persons which the Board of Directors of the University determines to be unsuitable to the interests and well-being of the students or the University.

(2) For the purposes of sub-paragraph (1), “have association with” includes the acts of:

- (a)* making a statement either orally or in writing on behalf of any political party, or on behalf of any unlawful body or organization within or outside Malaysia, or on behalf of any body, organization or group of persons which the Board determines to be unsuitable to the interests and well-being of the students or the University;
- (b)* organizing a donation exercise or contribution amongst the students of the University or the public on behalf of any political party, or on behalf of any unlawful body or organization within or outside Malaysia, or on behalf of any body, organization or group of persons which the Board determines to be unsuitable to the interests and well-being of the students or the University;

- (c) requesting for assistance, support or otherwise for the activities of the societies, bodies, organizations or groups of students within or outside the campus from or on behalf of any political party, or any unlawful body or organization within or outside Malaysia, or any body, organization or group of persons which the Board determines to be unsuitable to the interests and well-being of the students or the University;
- (d) organizing or hosting any other activities together with or on behalf of any political party, or any unlawful body or organization within or outside Malaysia, or any body, organization or group of persons which the Board determines to be unsuitable to the interests and well-being of the students or the University.

Non-Compliance of the Code

5. Non-compliance of any parts of these Codes shall amount to a breach of discipline under the Universiti Putra Malaysia (Discipline of Students) Rules 2005 and disciplinary action may be commenced under the Rules.

Made 11 September 2012
[Minutes of Board 92/11]
[UPM/ PPUU/100/1/1/7]

PROF. EMERITUS TAN SRI DATO' DR. SYED JALALUDDIN SYED SALIM

*Chairman
Board of Directors
Universiti Putra Malaysia*

Published by Office of the Legal Advisor, UPM